



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

PIKAS CAPAI SASARAN MEMVAKSINASI LEBIH 1 JUTA PEKERJA DALAM SEKTOR PEMBUATAN

Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) bagi sektor pembuatan di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah melabuhkan tirainya selepas berjaya memvaksinasi lebih 1 juta pekerja dalam sektor pembuatan di seluruh negara.

Secara keseluruhannya terdapat 78 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) PIKAS di seluruh Malaysia yang telah beroperasi melalui dua pendekatan iaitu PPV Di Tapak (*On-site*) dan PPV Kegunaan Umum (*Common*). Sepanjang PIKAS dilaksanakan, seramai 1,065,801 orang pekerja dalam sektor pembuatan di seluruh negara telah berjaya menerima vaksin lengkap.

PIKAS yang dilancarkan pada 16 Jun 2021 merupakan program imunisasi kerjasama awam dan swasta berfokuskan pekerja industri yang pertama dan terbesar di negara yang dicetuskan melalui sesi libat urus dengan persatuan-persatuan industri, dewan-dewan perniagaan, perusahaan kecil dan sederhana serta kesatuan sekerja.

Ia telah dilancarkan sebagai Fasa 4 Program Imunisasi Kebangsaan (PICK) bertujuan untuk membantu mencapai imuniti kelompok di kalangan Rakyat khususnya pekerja di sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan pembuatan. Kejayaan PIKAS adalah hasil daripada persefahaman dan perkongsian sumber sektor awam dan swasta di mana Kerajaan komited menyediakan vaksin secara percuma manakala pihak swasta membiayai kos penyediaan dan pentadbiran PPV termasuk perkhidmatan kesihatan swasta.



**KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

“PIKAS memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan pembukaan sektor ekonomi dapat dilaksanakan dengan selamat seterusnya menyokong kelangsungan rantai bekalan produk dan perkhidmatan, selain menyokong usaha mempercepatkan imuniti kelompok dalam negara. Model pelaksanaan PIKAS ini adalah satu model contoh yang memperlihatkan kerjasama erat sektor awam dan swasta ke arah mencapai agenda negara untuk memperkasakan ekonomi dan menjamin perlindungan kesihatan awam,” kata Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan dan Industri YB Dato’ Seri Mohamed Azmin Ali.

“Melangkah ke hadapan, menjurus kepada kejayaan PIKAS, MITI akan meletakkan fokus kepada program Safe@Work yang akan mengukuhkan lagi usaha mewujudkan persekitaran kerja dan penginapan yang kondusif serta selamat bagi mempertingkatkan produktiviti pekerja industri di dalam fasa endemik,” tambah beliau.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)

1 NOVEMBER 2021

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail alluks@miti.gov.my